



الهدى

AL-HUDA

Naskah Percuma

Keluaran 13. Bil. 1/2019



RAHMATAN

LIL 'ALAMIN

DALAM MASYARAKAT

MENURUT AL-QURAN

Majmuk



▪ **TOKOH**

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT:

Haji Yusoff bin Abu Bakar
(Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR:

Fakhrurrazi bin Md. Mahdzir

PENOLONG KETUA EDITOR:


Fairus Ain binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR:

Azwati binti Zainol Abidin
Mohd Ferdaus bin Hashim
Norfazilah binti Mohd Lidi

FOTOGRAFI:

Siti Asmah binti Abdul Manap



Perpaduan dalam masyarakat merupakan di antara perkara utama yang sering diperjuangkan kerana perpaduan sangat penting bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan khususnya dalam masyarakat majmuk. Perpaduan dilihat sebagai suatu jaminan yang akan mendorong kepada kesejahteraan sosial, kestabilan politik dan ekonomi. Untuk membina perpaduan dan seterusnya sebuah negara yang makmur bagi negara yang bermasyarakat majmuk, semua kaum yang wujud perlu mempunyai integrasi hubungan yang baik antara satu sama lain sehingga mencapai kesejahteraan yang diimpi.

Dari sudut pandangan Islam, kewujudan masyarakat yang berbilang kaum adalah merupakan lumrah kejadian. Ia sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Bahkan, kewujudan pelbagai bangsa ini telah dijelaskan dalam surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

Disini Allah SWT telah menceritakan akan kepelbagaian bangsa yang diciptakan dengan tujuan setiap kaum itu saling kenal mengenal antara satu sama lain. Maka disitulah akan dapat melahirkan perpaduan.

Kesejahteraan hubungan di antara masyarakat Islam dan bukan Islam sebenarnya telah ditunjukkan dengan jelas di bawah pemerintahan Islam. Kelangsungan amalan yang dibuat oleh Nabi Muhammad SAW diteruskan oleh para sahabatnya sehingga di kalangan bukan Islam dapat menerima kaedah dan cara muamalah yang dijamin kepada mereka. Tidak ada sebab untuk wujudnya penindasan kaum, kerana Islam itu sifatnya membebaskan manusia dari cengkaman kezaliman.

Melalui Al-Huda pada kali ini, kami ingin membawa pembaca agar memahami betapa perpaduan itu sangat dituntut, apatah lagi dalam negara Malaysia yang berbilang bangsa ini. Sebagai umat Islam kita hendaklah saling hormat-menghormati sesama manusia tanpa mengira latar belakang selagi mana Islam itu dihormati. Kita juga hendaklah mempertahankan prinsip-prinsip Islam agar keindahan Islam tidak dipandang hina. Semoga paparan pada Al-Huda pada kali ini dapat membantu mempertingkatkan lagi kefahaman kita semua.

KANDUNGAN AL-HUDA

Fokus

05

- *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam negara berbilang kaum menurut al-Quran.

Warta Kerajaan

07

- Kalimah-Kalimah Suci yang Khusus Bagi Agama-Agama Islam Dan Tidak Boleh Digunakan Agama-Agama Bukan Islam.

Al-Quran / Falak

08

- Falak & Agenda Hijau.

Lensa Al-Huda

09

- Memaparkan aktiviti jabatan, pencapaian dan program yang dijalankan.

Tokoh

11

- Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad.

Berita Jabatan

13

- Aktiviti jabatan, informasi terkini, pencapaian dan pembangunan negeri.

Kemusykilan Agama

17

- Makan Di Kedai "Pork Free".



TAHNIAH

TUAN HAJI YUSOFF BIN ABU BAKAR

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

**TIMBALAN MUFTI
NEGERI PULAU PINANG
(PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM, S54)**

DI JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Berkuatkuasa Pada 2 MEI 2019



TERIMA KASIH

DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DI ATAS
SEGALA JASA DAN KHIDMAT BAKTI

TUAN HAJI AMINUDIN BIN MUHAMMAD

SEBAGAI

**TIMBALAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
(PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM, S54)**

DI JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Sepanjang Tempoh
1 OGOS 2017 Hingga 25 FEBRUARI 2019





Bicara Mufti

Syukur Alhamdulillah Buletin Al-Huda masih dapat diteruskan kelangsungan penerbitannya. Penerbitan dan penulisan merupakan satu *method* dakwah yang mempunyai kesan yang sangat baik dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat. Melalui pembacaan, penambahan maklumat seseorang akan bertambah dan dapat membantu perkembangan idea.

Dalam kehidupan masyarakat yang majmuk di Malaysia, metodologi dalam penyebaran dakwah hendaklah disesuaikan dengan keadaan persekitaran. Islam merupakan agama yang merangkumi semua aspek. Gagasan *'rahmatan lil 'alamin* yang sering disebut-sebut adalah suatu metodologi dakwah yang cuba menjelaskan kepada masyarakat bahawa Islam merupakan ajaran yang bersifat menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.

Rahmatan Lil 'Alamin merujuk kepada keindahan dan kesyumulan Islam yang membawa rahmat dan kesejahteraan sejagat. Pengutusan Nabi Muhammad SAW merupakan suatu penyelesaian kepada permasalahan kaum jahiliah dan masyarakat Arab keseluruhannya pada ketika itu tanpa membezakan dari sudut anutan atau kepercayaan. Ajaran Islam memberikan keharmonian dan menjamin hak asasi dalam masyarakat Arab tanpa mengira latar belakang kepercayaan dan bangsa. Piagam Madinah adalah contoh yang terbaik untuk dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat majmuk.

Selain itu, melalui gagasan ini juga ia mampu untuk mengekang ekstremisme dalam mana-mana kepercayaan. Ia adalah satu metodologi dakwah *bil hal* yang mampu untuk mendekatkan masyarakat bukan Islam kepada fahaman Islam yang sebenar.

Sudah tiba waktunya dalam negara yang berbilang bangsa ini, dengan Islam sebagai agama rasmi, maka masyarakat yang lain perlu diberikan penjelasan yang sebenar tentang Islam dan bukannya Islam dalam versi yang ekstremisme atau yang berkepentingan.

Seringkali juga kita diperdengarkan dengan 'maqasid syariah'. Ada yang melihat ia sebagai retorik politik untuk menarik perhatian penyokong untuk membuktikan keprihatinan pemimpin tersebut dalam memperjuangkan Islam. Tanggapan salah itu perlu diketepikan kerana Maqasid Syariah bukanlah sesuatu yang wajar untuk dijadikan bahan kempen politik. Ia merupakan satu prinsip asas yang dicetus oleh para ulama bagi memudahkan usaha dakwah dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai tujuan beragama.

Penggunaan *Maqasid Syari'ah* sebenarnya telah bermula sejak zaman Nabi SAW lagi, namun ia tidak diistilahkan atau dijadikan sebagai satu disiplin ilmu. Ianya kemudian berkembang menyusuri sejarah sehinggalah sampai ke hari ini dimana ia seolah-olah menjadi satu ilmu yang tersendiri. Ini menunjukkan kepada kreativiti dan kebijaksanaan para ulama' Muslimin di samping menunjukkan kepada hakikat kesesuaian syari'at untuk setiap zaman dan tempat.

Tidak dapat dinafikan bahawa segala hukum yang ditetapkan di dalam syari'at mempunyai matlamat-matlamat tertentu yang dikehendaki oleh Pensyari'atnya Yang Maha Bijaksana. Banyak bukti kukuh yang menerangkan bahawa Allah SWT tidak melakukan sesuatu dengan sia-sia sama ada dalam penciptaan-Nya mahupun dalam hukum-hukum syari'at-Nya. Adapun dalam penciptaan-Nya, Allah SWT berfirman dalam surah ad-Dhukan, ayat 38-39 yang bermaksud:

"Kami tidak mencipta langit dan bumi dan apa yang (berada) di antara kedua-duanya dalam keadaan main-mainan, melainkan dengan kebenaran (yakni ada tujuannya yang dikehendaki) akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."

Juga dalam ayat 115, surah Al-Mu'minun, yang bermaksud:

"Apakah kamu menyangka Kami menciptakan kamu hanya untuk sia-sia sahaja? Dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"



Rumusan

Justeru, dapatlah kita faham bahawa setiap yang diciptakan atau diperintahkan oleh Allah SWT itu bukanlah sesuatu yang sengaja diada-adakan tetapi ia mempunyai hikmah disebaliknya. Setiap hukum-hukum tersebut, sama ada yang ditetapkan di dalam al-Qur'an mahupun di dalam hadith-hadith yang sahih, para ulama mendapati wujud rahsia di sebalik segala suruhan dan tegahan Allah SWT tersebut.

Termaklum bahawa di dalam Islam terdapat hukum-hukum *Ta'abbudi* yang diperintahkan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Hukum-hukum sebegini wajib diterima dan dilaksanakan dengan sepenuh ketaatan oleh seorang Muslim walaupun tidak diketahui hikmah dan sebabnya. Adapun selain daripada kategori ini maka fuqaha' perlu mencari tujuan yang wujud di sebalik *nusus* sama ada dalam bentuk suruhan mahupun larangan.

Setelah meneliti ayat-ayat al-Qur'an dan Sunnah *Nabawiyah*, para ulama' *Maqasid* menyimpulkan bahawa syari'ah diturunkan adalah untuk memelihara dan melindungi lima aspek yang menjadi tunggak bagi kehidupan manusia iaitu: agama, nyawa, keturunan, akal dan harta benda. Maka demi untuk memelihara dan melindungi lima elemen pokok inilah maka syari'at menetapkan hukum-hukum hudud ke atas sesiapa yang mencerobohnya.

Menerusi *Maqasid Syari'ah*, ia dapat menjamin relevansi Syari'ah dengan perkembangan zaman dan pertukaran generasi sehingga Hari *Qiyamah*.

“Maka di sini *Maqasid Syari'ah* merupakan mekanisme yang perlu digunapakai tanpa sebarang keraguan walaupun ini memerlukan kepada syarat-syarat tertentu sebagai kawalan supaya tidak tersasar daripada konsepnya yang sebenar.”

Prinsip *Maqasid Syariah* ini sudah wujud sejak zaman Nabi SAW dan generasi Salaf lagi. Cuma ia tidak diistilahkan dengan *Maqasid Syari'ah* sebagaimana yang difahami pada hari ini. Justeru, dalam proses berijtihad dan merumus (*istinbath*) hukum, bagi tujuan pengislahan dan untuk mencapai kebaikan dan kemajuan masyarakat, maka para fuqaha' dan ilmuwan Muslimin perlulah memberi perhatian secukupnya kepada aspek ini.

- Dunia kontemporari yang rencam dan canggih ini amat memerlukan kepada *manhaj* (metodologi) yang mendahulukan perkara yang lebih penting daripada yang kurang penting dan mengutamakan yang lebih baik ke atas yang kurang baik (*tarjih al-aslah'ala al-salih*), juga mengutamakan penghindaran perkara yang lebih buruk berbanding yang kurang buruk (*taqdim dar' al-afsad 'ala al-fasid*). Ini merangkumi kesemua aspek: akidah, sosial, akhlak, mu'amalat dan seterusnya.

Sebagaimana diketahui, gelombang globalisasi yang melanda dunia masa kini membawa bersamanya serangan fikiran yang menimbulkan banyak kekeliruan dan salah faham terhadap agama Islam. Maka dalam usaha mengikis kekeliruan dan memperbetulkan salah faham ini amatlah perlu dicari kaedah-kaedah yang berkesan sehingga dapat dibangunkan semula *syakhshiah Islamiah* bagi umat ini yang akan *merespons* serta melaksanakan segala arahan agama mereka tanpa ragu dan teragak-agak.

Selain itu serangan fikiran ke atas umat Islam begitu gencir dan licik. Ia meliputi segenap aspek kehidupan individu dan ummah: Undang-undang, ekonomi, pendidikan, sosial, akhlak dan budaya. Adalah tidak bijaksana, malah sesuatu yang mustahil kesemua ini dapat diubah secara mendadak dan dengan tergesa-gesa. Sebaliknya ini perlu ditangani secara cermat dan beransur-ansur mengikut jinjang-jinjang keutamaannya sehingga di akhir nanti kesemua tuntutan syari'at akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT.

RAHMATAN LIL 'ALAMIN

Dalam Masyarakat Majmuk



Islam merupakan sebuah agama yang menganjurkan umatnya agar bersifat rahmah. Rahmah yang berasal dari kata dasar 'rahima-yarhamu-rahmah' juga bererti kasih sayang dan disebut berulang kali di dalam al-Quran. Bahkan Allah SWT sendiri menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah. Merujuk kepada kitab *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*, perkataan rahmah telah disebut sebanyak 142 kali di dalam al-Quran. Hal ini menunjukkan betapa Allah sangat menitikberatkan sifat rahmah atau pun kasih sayang di dalam diri umat Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am 6:12 yang bermaksud:

"Katakanlah, kepunyaan siapakah apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Kepunyaan Allah. Dia telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang. Dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu pada hari kiamat, yang tidak ada keraguan terhadapnya. Orang-orang yang merugikan dirinya, mereka itu tidak beriman."

Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengatur hidup manusia dan mengawal hubungan antara sesama manusia serta hidupan lain di bumi agar tidak wujud pertelingkahan sesama mereka. Selain itu, Islam juga mengajar bagaimana seharusnya seorang manusia itu melayani atau berhadapan dengan manusia yang lain dengan penuh hikmah dan kasih sayang supaya kebaikan dapat disebar. Terdapat sebuah hadis yang menggambarkan akan luasnya rahmah Allah sehingga satu peratus daripada rahmah yang dimiliki oleh Allah itu dapat dibahagikan di antara makhluk-makhlukNya di bumi. Hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah, dari Nabi SAW bersabda

"Sesungguhnya Allah mempunyai seratus rahmah. Allah hanya menurunkan satu rahmah untuk dibahagikan di antara jin dan manusia serta semua binatang. Maka dengan sebab satu itulah mereka saling mengasihani dan berkasih sayang, dan dengan sebabnya binatang buas mengasihani anaknya. Dan Allah menunda (pemberian) sembilan puluh sembilan rahmah lagi yang akan mengasihani hamba-hamba-Nya pada hari Kiamat."

(Hadis riwayat Muslim, no. 2752)

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa rahmah adalah merupakan aspek penting di dalam Islam dan dikaitkan dengan sifat Allah yang diberikan kepada makhluk-Nya termasuk kepada binatang. Sifat rahmah dan kasih sayang ini perlu ada dalam diri manusia dan ditekankan supaya berakhlak dengan sifat rahmah ini berdasarkan hadis berikut yang bermaksud: Daripada Abdullah bin Amr katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda

"Orang yang mengasihani akan dikasihani oleh Allah, kasihlanilah penduduk di bumi nescaya kamu akan dikasihani oleh penduduk di langit..."

(Hadis riwayat Tirmidhi, no. 1924)

Rahmat Terhadap Orang Yang Tidak Beriman

Justeru pengutusan baginda Nabi Muhammad SAW adalah pembawa rahmat kepada sekalian alam, tidak hanya eksklusif di kalangan orang yang beriman sahaja malah merangkumi semua manusia dan sekalian makhluk ciptaan Allah SWT di dunia ini. Ia amat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Anbiya', ayat 107 yang bermaksud:

"Dan tidaklah Kami mengutuskan kamu (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam."

Ketika menjelaskan ayat 107 daripada surah Al-Anbiya' di atas, terdapat beberapa pandangan ulama mengenai persoalan adakah orang kafir tergolong di kalangan mereka yang mendapat rahmat. Ada ulama berpandangan rahmat itu hanya untuk orang Islam sahaja, dan ulama lain mengatakan orang kafir turut mendapat rahmat, sesuai dengan maksud perkataan 'Lil Alamin', untuk sekalian alam.





Henti salah guna konsep 'Rahmatan Lil Alamin'

Menurut Imam Ibn Jarir al-Tabari, ahli tafsir berbeza pandangan dalam menafsirkan ayat ini. Adakah seluruh manusia termasuk golongan yang beriman dan juga kafir mendapat rahmat daripada utusan Nabi SAW ini atau hanya orang yang beriman sahaja? Sebahagian ahli tafsir berpandangan bahawa termasuk orang kafir mendapat rahmat daripada utusan Nabi Muhammad SAW ini dengan didasari riwayat daripada Ibn Abbas RA berikut dalam mentafsirkan ayat ini dengan bermaksud:

"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat akan ditetapkan baginya rahmat di dunia dan di akhirat. Namun sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya (bentuk rahmat bagi mereka) ialah tidak ditimpa musibah seperti mana ditimpa ke atas umat yang terdahulu dengan ditenggelamkan atau ditimpa gelombang besar."

(Hadis riwayat al-Tabrani, no. hadis 12385)

Menurut Ibn Jarir al-Tabari, pendapat yang lebih tepat bagi kedua-dua pandangan tersebut ialah pendapat pertama dengan riwayat daripada Ibn Abbas RA iaitu diutusnya Rasulullah SAW adalah sebagai rahmat kepada seluruh manusia termasuk yang beriman dan di kalangan mereka yang tidak beriman. Adapun rahmat bagi mereka yang beriman ialah mendapat hidayah daripada perutusan Baginda SAW dengan kehidupan beragama di dunia dan mendapat balasan Syurga di akhirat kelak. Manakala rahmat kepada mereka yang tidak beriman ialah mereka tidak disegerakan azab seperti mana umat terdahulu dengan balasan azab yang dahsyat dan mengerikan.

Apakah yang dimaksudkan Islam agama rahmah?

Islam adalah agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad untuk mengeluarkan manusia daripada perhambaan sesama hamba kepada perhambaan sepenuhnya kepada Allah. Islam membawa manusia keluar daripada kegelapan jahiliah menuju kepada cahaya keimanan. Sistem Islam sesuai diamalkan di semua tempat pada semua zaman dalam semua bidang kehidupan. Ini kerana Islam adalah satu-satunya agama yang direcai Allah, dan Allah selaku Pencipta alam ini, tahu apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk kehidupan manusia.

Dengan keluasan rahmat yang dibawa oleh Islam, muncul sesetengah pihak yang berhujah menggunakan konsep 'Rahmatan Lil Alamin' untuk menafikan seruan-seruan Islam itu sendiri. Dalam isu maksiat yang terang-terangan seperti budaya minum arak dan konsert artis luar, mereka berhujah dengan berkata mengapa perlu dihalang orang berhibur dan meminum arak? Bukankah Islam itu agama rahmah, memberi kebebasan kepada orang Islam dan bukan Islam?

Dalam isu LGBT, mereka berkata, kita tak perlu halang lelaki menjadi perempuan kerana Islam adalah agama rahmah.

Dalam isu murtad, mereka berkata, mengapa kita perlu menghalang orang nak murtad? Bukankah Islam agama rahmah dan tidak memaksa dalam soal beragama?

Dalam isu kristianisasi, mereka berkata, mengapa kita perlu menyekat mereka bercerita mengenai agama mereka kepada orang Islam? Bukankah Islam agama rahmah?

Kenyataan-kenyataan sebegini akan mengelirukan masyarakat tentang konsep sebenar 'Rahmatan Lil Alamin' yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW yang mempunyai prinsip yang jelas dan bertegas dengan kekufuran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Fath ayat 29, maksudnya;

"Nabi Muhammad SAW ialah Rasul Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam) dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam)."

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan dapat disimpulkan bahawa konsep rahmah di dalam Islam adalah merupakan konsep besar yang berasaskan kepada ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Selain itu, konsep rahmah dalam Islam juga mempunyai maksud dan pendekatan yang bersesuaian dengan kategori sama ada kepada Muslim atau kepada bukan Muslim. Malah pendekatan terhadap makhluk binatang juga mempunyai pendekatan rahmah yang menzahirkan Islam sebagai agama yang menyebarkan kasih sayang dan keamanan di atas muka bumi ini.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 24

29hb April 2010

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGANENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

No. 240

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Mufti Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI KALIMAH-KALIMAH SUCI YANG KHUSUS BAGI AGAMA-AGAMA ISLAM DAN
TIDAK BOLEH DIGUNAKAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM

1. Bahawa kalimah-kalimah yang berkaitan dengan kesucian agama Islam adalah khusus bagi agama dan orang Islam sahaja. Oleh itu ia tidak boleh diguna atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam.
2. Orang Islam perlu peka dan bertanggungjawab dalam isu ini. Sikap membenarkan sesiapa sahaja menggunakan kalimah-kalimah tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa Islam meraikan agama lain hanya akan mendatangkan mudharat yang besar kepada agama dan orang Islam.
3. Oleh itu orang Islam wajib menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan dan penyalahgunaan terhadap kalimah-kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub.
4. Kalimah-kalimah tersebut ialah seperti berikut:

1. Allah	11. Syariah	21. Imam	31. Karamah
2. Firman Allah	12. Qiblat	22. Nabi	32. Syahadah
3. Ulama'	13. Haji	23. Sheikh	33. Masjid
4. Hadith	14. Mufti	24. Khutbah	34. Baitullah
5. Ibadah	15. Rasul	25. Tabligh	35. Surau
6. Kaabah	16. Iman	26. Akhirat	36. Musolla
7. Qadhi	17. Dakwah	27. Azan	37. Zakat Fitrah
8. Ilahi	18. Solat	28. Al Quran	38. Hajjah
9. Wahyu	19. Wali	29. As Sunnah	39. Taqwa
10. Mubaligh	20. Fatwa	30. Auliya'	40. Soleh
5. Oleh itu, mana-mana orang bukan Islam yang menulis atau menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah lain yang boleh membawa kepada menghina kesucian agama Islam adalah salah dan dilarang serta menjadi satu kesalahan.

Bertarikh 7 Januari 2010

[JMNPP(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2(1) Jld. 2]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Mufti of the State of Penang



FALAK & AGENDA HIJAU

Falak sering dikaitkan dengan ilmu berkaitan objek di langit. Namun, falak tidak terhad bagi aspek berkaitan langit sahaja tetapi fenomena di sana memberi petunjuk dan isyarat kepada bumi dan segala yang bernaung di bawahnya. Semakin kita mendalami bidang falak maka, semakin dekat kita memahami *maqasid* di sebalik pensyariatannya dalam Islam. Misalnya dalam menunaikan solat, kita perlu merujuk matahari dalam menentukan waktu solat dan arah kiblat. Manakala dalam ibadah puasa, zakat dan haji, kita perlu merujuk bulan bagi melaksanakan ibadah berkenaan. Bahkan dalam banyak keadaan, syariat Islam sentiasa harmoni dengan alam semesta serta fenomena-fenomenanya.

Mesej ini wajar *dita'akul* oleh kita betapa alam semesta ini merupakan tanggungjawab yang termaktub sebagai salah satu senarai tugas manusia sebagai khalifah. Justeru, agenda hijau yang sedang digerakkan oleh banyak pihak bukanlah sesuatu yang asing dari Islam sebaliknya merupakan hasil dari penghayatan terhadap ilmu falak itu sendiri. Pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan sedang hebat menggerakkan Agenda Hijau dalam pentadbiran termasuk menubuhkan agensi-agensi khusus berkaitan hal tersebut seperti *Penang Green Council* (PGC) dan seumpamanya di samping agensi-agensi sedia ada seperti Jabatan Alam Sekitar. Inisiatif-inisiatif yang digerakkan merupakan satu usaha yang murni dan sebenarnya sesuatu yang selari dengan tuntutan syarak.

Walau bagaimanapun, agenda tersebut kurang mendapat sentuhan dari sudut dan perspektif Islam. Seolah-olah agenda tersebut datang dari Barat semata-mata dan tiada kaitan dengan Islam. Sedangkan dari sudut syariah, alam semesta ini merupakan salah satu tanggungjawab yang diamankan kepada manusia untuk dipelihara. Cabaran kita pada hari ini adalah memelihara kelestarian alam semula jadi dalam kerancangan perkembangan kemodenan dunia. Bagaimana pencemaran demi pencemaran berlaku yang akhirnya memangsakan manusia itu sendiri selaku penghuninya.

Firman Allah SWT dalam surah Ar-Ruum ayat 41 yang bermaksud;

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Begitu juga dalam satu hadis diriwayatkan, Nabi SAW melintasi Saad RA yang sedang berwuduk lalu baginda bertanya; Mengapa engkau berlebih-lebihan seperti ini wahai Saad? Saad RA bertanya; Apakah di dalam wuduk ada istilah berlebih-lebihan? Baginda menjawab; Benar, sekalipun engkau berada di sungai yang mengalir (Riwayat Ahmad; 12/23). Firman Allah lagi dalam surah al-Isra' ayat 27;

Sesungguhnya orang yang boros itu saudara syaitan sedang syaitan itu makhluk yang sangat kufur kepada tuhaninya.

Antara salah satu disiplin yang diterapkan oleh Nabi SAW kepada tentera Islam ketika di medan peperangan adalah tidak menebang pokok. Walaupun diketahui medan peperangan selalu terdedah kepada situasi genting dan hiruk pikuk.

Justeru, inisiatif-inisiatif yang digerakkan bagi tujuan pemeliharaan alam semula jadi tidak boleh dipandang remeh. Dari sekecil-kecil perkara seperti menyimpan cebisan sampah untuk membuangnya di tempat yang ditentukan sehingga ke sebesar-besar perkara mesti didokong oleh semua pihak terutama para agamawan. Inisiatif kitar semula, gempur pencemaran plastik, pengasingan sisa dari punca, makan sampai habis, gempur penebangan pokok secara rakus, pengurangan penggunaan kertas, pengawalan pencahayaan yang melampau, penjimatan air, penjimatan elektrik, dan seumpamanya wajar disokong dan digerakkan secara bersama. Bumi yang kita diami perlu diselamatkan dari kitaran ganas pembangunan yang tidak mampan. Apa jua tindak tanduk dan aktiviti kita hendaklah dipertimbangkan kesannya kepada alam. Bimbang mengundang bencana yang tidak diduga seperti tanah runtuh, banjir, kemarau berpanjangan, pencemaran sungai, laut, udara, dan seumpamanya. Sebagai Muslim, sentiasalah kita menjadi seorang yang mesra alam.



Falak On The Street Siri 1/2019
31 Januari 2019
Masjid Dato' Sheikh Adnan, Penaga



Bengkel Penulisan / Penerbitan (Falak)
11 Februari 2019
Masjid Daerah SPU, Teluk Air Tawar



Pameran sempena Karnival Khaira Ummah
14 - 17 Februari 2019
Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas



Taklimat Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai
18 Februari 2019
Bilik Mesyuarat JMNPP



Lawatan pelajar dan pensyarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
14 Februari 2019
Pusat Falak Sheikh Tahir



Bengkel Pengendalian Teleskop
21 Februari 2019
Pusat Falak Sheikh Tahir



Kuliah Tafaqquh, Kitab Asybah Wan Nadhoir
26 Feb 2019
UiTM, Pulau Pinang



Penentuan dan Pengesahan Arah Kiblat
7 Mac 2019
Tapak Pembinaan Surau Bertam Perdana 2 Fasa 1D



Perasmian musolla Al-'Abqari,
Taklimat Falak dan Cerapan Bulan
15 Mac 2019
Sekolah Kebangsaan Jalan Hamilton

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
17 - 18 April 2019
Hotel Sentral Seaview (Penang)



Program Irsyad Fatwa Siri 2/2019
22 Mac 2019
Masjid Jamek Simpang Empat, Balik Pulau



Daurah Kitab Solat Atas Kerusi Siri 1/2019
28 Mac 2019
Masjid DBD, Simpang Empat



Daurah Kitab Solat Atas Kerusi Siri 2/2019
4 April 2019
Masjid Negeri Pulau Pinang

Majlis Perhimpunan Bulanan
19 April 2019
Bilik Mesyuarat JMNPP



DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD

**MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(1997 - 2014)**

- **Nama**
Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad
 - **Tarikh & Tempat Lahir**
03 Oktober 1942
Permatang Sungai Dua, Kepala Batas,
Pulau Pinang
 - **Nama Isteri**
Datin Seri Hajjah Puziah binti Mohd Noor
 - **Tarikh Perkahwinan**
10 April 1977
 - **Bilangan Anak**
8 Orang Cahaya Mata
1. Dahlia binti Haji Hassan (dilahirkan 25 Jun 1978)
 2. Faiz bin Haji Hassan (dilahirkan 30 September 1979)
 3. Radzi bin Haji Hassan (dilahirkan 31 Julai 1981)
 4. Farihah binti Haji Hassan (dilahirkan 6 Februari 1985)
 5. Mohamad bin Haji Hassan (dilahirkan 23 Oktober 1986)
 6. Basyirah binti Haji Hassan (dilahirkan 2 Februari 1988)
 7. Fikri bin Haji Hassan (dilahirkan 2 Oktober 1991)
 8. Syazwani binti Haji Hassan (dilahirkan 18 November 1995)

Pendidikan

Rendah

1949-1955

- Sekolah Melayu Jelutong, Taiping, Perak

Menengah

1957-1964

- Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah

1965

- Maktab Pengajian Islam Kota Bharu, Kelantan

1966-1968

- Ma'ahad Al-Dakwah Wa-Imamah, Nilam Puri, Kelantan

Tinggi

1969-1973

- Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Syariah dan Undang-Undang di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan

1973-1975

- Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah, Jurusan Usul Al-Fiqh di Universiti Al-Azhar Mesir

Kerjaya & Sumbangan

- **1997 - 2 September 2014**
Ahli Lembaga Pengawalan Teks Al-Quran,
Kementerian Dalam Negeri Pulau Pinang
- **25 Mac 2013**
Ahli Panel Syariah (Khas) Skim Ibadah Korban Yayasan
Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)
- **21 Disember 2012**
Ahli Jawatankuasa Lembaga Penasihat Penerbitan
Dakwah Islamiah Malaysia (PEDIM)
- **1 Julai 1998 - 2010**
Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti
- **2004**
Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Lembaga
Tabung Haji Malaysia/Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)
- **1 Mei 1998 - 2004**
Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Kerjasama Rakyat
- **1 Oktober 1993 - 2004**
Ahli Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam Maybank
- **14 Mei 1999**
Ahli Majlis Penasihat Syariah KFCH (MPS)
- **1 April 1981 - 31 Ogos 1997**
 - Pensyarah Bahagian Syariah Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya
 - Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
 - Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
- **1 September 1991 - 30 Mac 1992**
Dekan Fakulti Syariah dan Ahli Senat Universiti Malaya
- **1 April 1991 - 30 Ogos 1991**
 - Timbalan Dekan Fakulti Syariah Akademi Islam
 - Ahli Senat Universiti Malaya
 - Pengelola Unit Pengajian Awam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- **3 Julai 1977 - 31 Mac 1981**
Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang
(YPTIK) Nilam Puri, Kelantan

Tajuk Buku

Penerbit

<i>Al-Mafthum wa Mauqif al-Usuliyina min Hujjiyatih</i> Bahasa : Arab	Hizbi, Shah Alam (1998)
Usul Al-Fiqh Bahasa : Melayu	Pustaka Haji Abd. Majid Taman Ihsan Kepong, Selangor (1998)
Kaedah dan Peraturan Pajak Gadaib Mengikut Kehendak Islam Bahasa : Melayu	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2002)
Riwayat Hidup Imam Al-Nawawi Bahasa : Melayu	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2002)

Tajuk Kertas Kerja

Tempatan/Antarabangsa

Mudharabah Dalam Sistem Muamalat Islam	Tempatan Bahasa : Melayu
Ciri-Ciri Syariah Islam	Tempatan Bahasa : Melayu
<i>Bai' al-Murabahah</i> (Produk Kewangan Islam)	Tempatan Bahasa : Melayu
Kepentingan Mencari Kekayaan Dalam Islam	Tempatan Bahasa : Melayu
Ruang Lingkup Ijtihad	Tempatan Bahasa : Melayu
Ijtihad	Tempatan Bahasa : Melayu
Kesesuaian Islam Untuk Semua Keadaan Melayu Tempatan	Tempatan Bahasa : Melayu

Anugerah Kecemerlangan/Ketokohan

Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P)



1. Dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P) oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun 1990.

Bintang Kebesaran Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N)



2. Dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 10 Julai 1999.

Bintang Kebesaran Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N)



3. Dianugerahkan Pingat Panglima Jasa Negara (P.J.N.) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2008.

4. Dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011.

Anugerah Maulidur.Rasul, Peringkat Kebangsaan Tahun 1433H 2012M

5. Penerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun 1433H/2012M oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 Februari 2012.



Potrait Dato' Seri Haji Hassan bersama keluarga beliau

6. Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1436H/2014M dari Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada Oktober 2014

Kediaman Dato' Seri Haji Hassan



Sesi Pengajian Kitab Turath

Bagaimanakah corak pendidikan, gaya kehidupan dan penerapan pemikiran ibu bapa Y.Bhg. Dato' Seri kepada anak-anak mereka yang dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama masyarakat?

1. Anak-anak diarah bangun awal pagi untuk sembahyang Subuh berjamaah di surau.
2. Semasa cuti pengajian, anak-anak diarah membersihkan kebun getah bersamanya selepas sarapan pagi dan balik ke rumah jam 12.30 tengahari.
3. Empat (4) malam dalam seminggu semasa bercuti, saya diwajibkan belajar Kitab *Nahu Syarah Qatru* serta *Al-Nada* dengannya dan selepas solat Isyak, saya diwajibkan membaca Kitab itu di hadapan beliau sebelum beliau membuat huraian.
4. Anak-anak diarah mesti berada di rumah sebelum setengah jam masuk waktu Maghrib dan tidak dibenarkan keluar dari rumah di waktu malam kecuali ke surau untuk mengikuti kuliah yang disampaikan kepada ahli jemaah.

1. Saya menghabiskan masa lapang dengan mengajar kitab-kitab turath seperti *Al-Majmu'*, *Al-Iqna'*, *Al-Ashbah wa Nazair*, *Minhaj al-Abidin*, *Sharah Matam Jauharah al-Tauhid*, *Matla' al-Badrain*, *Sabil al-Muhtadin* dan *Bughyat al-Tullab* di beberapa tempat di dalam negeri Perak, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Selangor dan di dalam negeri Pulau Pinang.
2. Saya menghabiskan masa perjalanan dengan membaca buku, al-Quran dan berzikir.
3. Saya suka berkebun di belakang rumah di masa lapang.

Apakah hobi masa lapang dan perjalanan, impian hingga membentuk pandangan dan motivasi dakwah Y.Bhg. Dato' Seri hari ini?

Harapan dan cita-cita Y.Bhg. Dato' Seri terhadap institusi kefatwaan hari ini dan akan datang?

1. Masyarakat awam menghormati dan mematuhi keputusan fatwa yang telah diputuskan kerana fatwa merupakan keputusan hukum Syarak yang melibatkan aktiviti masyarakat.
2. Pihak Yang Berkuasa dapat mengambil tindakan berkaitan keputusan fatwa yang telah dibuat terutama yang telah diwartakan.
3. Tiada campur tangan pihak tertentu dalam pelaksanaan fatwa.
4. Pihak Kerajaan mesti memberi autoriti sepenuhnya dalam pelaksanaan fatwa yang telah diputuskan.



Pameran Alatan Tradisional Falak



Wacana Celik Fatwa Sistem Pengurusan Fatwa di Malaysia



Taklimat Falak di Klinik Cure & Care Bukit Mertajam



MoA Kajian Hukum Isu Wakaf, Solat Jumaat & Perayaan Bukan Islam



Irsyad Fatwa di Sekolah Tunas Bakti



Bengkel Hitungan Waktu Solat Menggunakan Kaedah Multipoint & Python



Peserta Kuliah Tafaqquh Bulanan bersama Tuan Haji Rosli bin Othman

PROGRAM FIESTA MASJID DAERAH

19 JANUARI 2019 >> Lokasi : Masjid Daerah Seberang Perai Selatan

BENGGEL PENULISAN/PENERBITAN

11 FEBRUARI 2019 >> Lokasi : Masjid Daerah Seberang Perai Utara

KAJIAN PENILAIAN SEMULA PARAMETER MATAHARI DI BAWAH UFUK BAGI PENENTUAN WAKTU SUBUH DI MALAYSIA

11-13 FEBRUARI 2019 >> Lokasi : Chalet Bayu Melawi, Bachok, Kelantan

BENGGEL KEMUSYKILAN AGAMA

28 FEBRUARI 2019 & 29 JANUARI 2019
>> Lokasi : Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

MUZAKARAH KEPIMPINAN MASJID DAN SURAU

04 MAC 2019 >> Lokasi : Hotel Seri Malaysia Kepala Batas, Pulau Pinang

DAURAH PANDUAN SOLAT MENGGUNAKAN KERUSI DISEBABKAN KEUZURAN

04 APRIL 2019 >> Lokasi : Masjid Negeri Pulau Pinang

28 MAC 2019 >> Lokasi : Masjid Daerah Balik Pulau

WACANA CELIK FATWA: SISTEM PENGURUSAN FATWA DI MALAYSIA

08 APRIL 2019 >> Lokasi : Auditorium F, Tingkat 5, KOMTAR

PAMERAN ALATAN TRADISIONAL FALAK/TAKLIMAT FALAK

10 APRIL 2019 >> Lokasi : SMK Sama Gagah, Permatang Pauh

4 APRIL 2019 >> Lokasi : Klinik Cure & Care Bukit Mertajam

PROGRAM SANTAI ANAK MUDA

12 APRIL 2019 >> Lokasi : Masjid Baru Sungai Bakap, SPS

MOA KAJIAN HUKUM: ISU WAKAF, SOLAT JUMAAT & PERAYAAN BUKAN ISLAM

16 APRIL 2019 >> Lokasi : Universiti Sains Malaysia (USM)

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG

17-18 APRIL 2019 >> Lokasi : Hotel Sentral Seaview, Pulau Pinang

13-14 FEBRUARI 2019 >> Lokasi : Hotel Vistana Pulau Pinang

BENGGEL PENGENDALIAN TELESKOP

25 APRIL 2019 >> Lokasi : MRSM PDRM Kulim

21 FEBRUARI 2019 >> Lokasi : Pusat Falak Sheikh Tahir

BENGGEL HITUNGAN WAKTU SOLAT MENGGUNAKAN KAEDAH MULTIPOINT & PYTHON

29-30 APRIL 2019
>> Lokasi : Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia

IRSYAD FATWA

10 MEI 2019 >> Lokasi : Masjid Jamek Jelutong

22 MAC 2019 >> Lokasi : Masjid Jamek Simpang Empat, Balik Pulau

22 FEBRUARI 2019 >> Lokasi : Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar

KULIAH TAFUQQUH BULANAN

23 MEI 2019, 27 MAC 2019, 31 JANUARI 2019, 2 APRIL 2019 & 26 FEBRUARI 2019
>> Lokasi : UiTM Pulau Pinang

PROGRAM PEMANTAPAN ROHANI

24 MEI 2019 >> Lokasi : Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

BENGGEL PEMURNIAN DATA SISTEM eFATWA

30 MEI 2019 & 05 MAC 2019
>> Lokasi : Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

6 Januari 2019	Cerapan Hilal Jamadilawal 1440H	5 & 6 April 2019	Cerapan Hilal Syaaban 1440H
4 & 5 Februari 2019	Cerapan Hilal Jamadilakhir 1440H	5 Mei 2019	Cerapan Hilal Ramadan 1440H (Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadan 1440H)
6 & 7 Mac 2019	Cerapan Hilal Rejab 1440H		

LAWATAN KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

14 Februari 2019	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim	12 April 2019	Sekolah Kebangsaan Kongsi, Balik Pulau
1 Mac 2019	Sekolah Kebangsaan Kuala Perai, Butterworth	19 - 20 April 2019	Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkuang, Bukit Mertajam
1 Mac 2019	Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	19 April 2019	Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Kelantan
6 Mac 2019	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim	21 April 2019	Perkim Bukit Mertajam
7 Mac 2019	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim	3 Mei 2019	Jabatan Sains & Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
19 Mac 2019	Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya, Permatang Pauh	5 Mei 2019	Persatuan IKUT Negeri Pulau Pinang
23 - 24 Mac 2019	Persatuan Sains Fizik USM	5 Mei 2019	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTG)
25 - 29 Mac 2019	Malaysian Astronomy Olympiad (MyAO)	5 Mei 2019	Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kubang Pasu
6 April 2019	Masjid Ar-Rahmah Kg. Selamat, Tasek Gelugor		
10 April 2019	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan		



Salah satu peralatan arah kiblat

Barisan Pegawai penentuan & pengesahan arah kiblat bersama pemohon & Teodolit

Guru & Pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Perai

Taklimat Cerapan Hilal Ramadan 1440H bersama AJK Rukyah

Guru & Pelajar Tahun 6 Sekolah Kebangsaan Kongs, Balik Pulau

Penuntut & Pensyarah Jabatan Sains & Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun

Peserta Kem'Astronomi (Sistem Suria) Persatuan Sains Fizik, USM

PENENTUAN /PENGESAHAN ARAH KIBLAT

7.1.2019	Unit Audit Dalam, Aras 49, Komtar	26.3.2019	Surau Tapak Semaian, Jabatan Lanskap MPSP, Jalan Permatang Tengah, Butterworth
8.1.2019	Surau Pasaraya Tesco Bagan Ajam	2.4.2019	Surau Al-Munawwir Palm & Nipah Court Seri Tanjung Pinang, Tanjung Tokong
8.1.2019	Surau Amanah Ikhtiar Malaysia Cawangan Butterworth	3.4.2019	Kompleks Sukan Balik Pulau
9.1.2019	Surau Taman Keramat Permai, Nibong Tebal	8.4.2019	Surau Dan Ward Hospital Kepala Batas
9.1.2019	Surau Amanah Ikhtiar Malaysia Cawangan Bukit Mertajam	9.4.2019	Bilik Penginapan Blue Eyes Inn Bertam Perdana Seberang Perai Utara
10.1.2019	Surau Amanah Ikhtiar Malaysia Georgetown	16.4.2019	Surau Petron Permatang Pauh (F1)
28.1.2019	Surau Nurul Ihsan & Madrasah Darul Ihsan Mutiara Idaman 2, Solok Tengku, Jelutong	16.4.2019	Surau Petron Ramp (F1)
29.1.2019	Surau Stesen Minyak Petron, Bersebelahan Hentian Rehat Sungai Bakap, (Arah Selatan), Lebuhraya Utara Selatan	17.4.2019	Surau Dan Bilik Penginapan The Wembley Hotel
30.1.2019	Surau Sekolah Menengah Pendidikan Khas Bumbong 5, Kepala Batas	17.4.2019	Bilik Penginapan Cititel Express Penang
31.1.2019	Surau Persatuan Moral Dan Pembangunan Insan Malaysia, Taman Seri Merbau, Butterworth	22.4.2019	Vitrox Technologies Sdn. Bhd. Batu Kawan
11.2.2019	Surau Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang, Bahagian Kerjaan Tempatan, Paras 56, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar)	24.4.2019	Surau An-Naim Di Ramah Pavilion, Teluk Kumbar
12.2.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggal, Kepala Batas	25.4.2019	Surau Al-Falah Smka Syeikh Abdullah Fahim, Nibong Tebal
12.2.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Taman Merak, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan	3.5.2019	Surau Penang Green Council, Tingkat 46, Komtar
19.2.2019	Surau Dan Bilik Penginapan Hompton By The Beach Penang	8.5.2019	Surau Mcdonald's Juru RnR
26.2.2019	Surau Dan Bilik Penginapan The Northam All Suites Penang	8.5.2019	Surau Sementara Di Tempat Meletak Kenderaan Tingkat 1, Ikea Batu Kawan
26.2.2019	Tanah Perkuburan Baru Masjid CheroK Tokkun Bawah, Bukit Mertajam	9.5.2019	Surau City Junction, Tanjung Tokong
27.2.2019	Surau Di Bangunan EDC, New Wing Dan Production TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd. Bayan Lepas	14.5.2019	Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh, Balik Pulau
5.3.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Jalan Hamilton, Jelutong	15.5.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Permatang Pasir, Permatang Pauh
7.3.2019	Surau Di Atas Lot 13449 & 13453, Mukim 6, Kepala Batas	16.5.2019	Surau Pangsapuri Seri Serdang, Kepala Batas
12.3.2019	Surau Molex (Malaysia) Sdn. Bhd. Perai	16.5.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Jaya, Sungai Dua
12.3.2019	Surau Baru Flextronics Plant 5, Perai	23.5.2019	Surau Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Batu Uban
13.3.2019	Surau Grandstand Fasa 2, Stadium Bandaraya Pulau Pinang	23.5.2019	Surau Muhammad Anees & Compony, Jalan Cantonment, Georgetown
18.3.2019	Surau Sekolah Kebangsaan Dato Kramat, Jalan Perak	27.5.2019	Surau Perodua Sarinani Motors Sdn. Bhd. Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam
19.3.2019	Surau Pentax Medical (Penang) Sdn. Bhd. Bayan Lepas	29.5.2019	Surau Salman Al-Farisi Taman Genting Emas, Simpang Ampat, Balik Pulau
25.3.2019	Surau Dan Bilik Penginapan Cititel Penang	29.5.2019	Surau Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Swettenham Pier Cruise Terminal, Georgetown
26.3.2019	Surau Di Atas Lot 2162, Mukim 04, Permatang Pauh Seberang Perai Tengah		



Amanat & Tazkiah S.S Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor dalam Majlis Perhimpunan Bulanan



S.S Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menerima cenderahati daripada S.F. Tuan Haji Aminudin bin Mohamed sempena Majlis Perpisahan beliau

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN SELARAS PEKELILING PANDUAN PENGURUSAN PEJABAT

Georgetown: Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Mufti Negeri Pulau telah diadakan pada 25 Januari 2019 bersamaan 19 Jamadilawal 1440H di Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti. Perhimpunan bulanan ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 berkaitan Panduan Pengurusan Pejabat.

S.S Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Noor berkata, seluruh warga Jabatan Mufti diharap dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi dan ikhlas.

"Amanah adalah sesuatu yang sangat dituntut dan sangat berkait rapat dengan agama Islam. Selain itu, sentiasa bersikap adil dalam membuat sesuatu keputusan berlandaskan fakta-fakta yang tepat," katanya.

Terdahulu dalam majlis yang sama, S.F. Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tuan Hj. Aminudin bin Mohamad berkata, penetapan konsep dan pengisian Majlis Perhimpunan bulanan perlu diselaraskan pada setiap bulan bermula Januari 2019.

"Penyediaan MyPortfolio yang perlu diselesaikan secara berperingkat dan laporan status pelaksanaannya secara berkala perlu dimaklumkan kepada pihak urusetia PSUKPP," katanya.

MICROSOFT ONE DRIVE MENINGKATKAN PRODUKTIVITI KERJA

Georgetown: One Drive adalah perkhidmatan penyimpanan awan dari Microsoft yang membolehkan pengguna menyimpan fail penting dengan selamat di satu tempat dan boleh diakses di mana-mana sahaja.

Ketua Penolong Setiausaha (IKST), BTMKN, Puan Siti Mazrishah binti Mohamed Ibramsah berkata, one drive ini berfungsi seperti compact disk, USB drive, external hard disk dan hard disk tetapi ia di internet dan boleh mendapat akses kepada ciri-ciri tambahan walaupun berada di rumah.

Bengkel ICT yang telah berlangsung pada 8 April 2019 itu, bermatlamat untuk memantapkan pembudayaan ICT dikalangan warga kerja Jabatan ini dan untuk mengoptimalkan penggunaan teknologi ICT dalam menyahut seruan pelaksanaan Kerajaan Digital oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Taklimat ICT berkenaan Microsoft Tips & Tricks



Ustaz Fakhruddin bin Md. Mahdzir menyampaikan cenderahati kepada Puan Siti Mazrishah binti Mohamed Ibramsah

PEMELIHARAAN MANUSKRIP KAEDAH RESTORASI TERBAIK

Georgetown: Perancangan mengenai pemeliharaan manuskrip perlu dilakukan dengan lebih kreatif bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Apatah lagi jika manuskrip itu telah berusia beratusan tahun. Menyedari akan hakikat ini, satu Bengkel Pemeliharaan Manuskrip telah diadakan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Ketua Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, Arkib Negara Malaysia, Tuan Haji Shaharuddin bin Haji Ismail berkata, menyimpan dan memelihara manuskrip yang sangat bernilai dan bermanfaat bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan.

"Ada antara kaedah dan prosedur bagi pemeliharaan itu memerlukan masa yang agak lama dan kos yang tinggi. Saya dan pihak Arkib bersedia untuk membantu Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dalam meneruskan usaha ini agar tidak sia-sia".

"Hari ini kita mahu menghasilkan resolusi bagi membantu JMNPP mencari jalan supaya usaha pemeliharaan dan mengesan semula manuskrip yang telah hilang digerakkan dengan cepat," katanya.

Bengkel Pemeliharaan Manuskrip yang telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 13 dan 14 Mac 2019 itu, bermatlamat untuk mempelajari cara-cara untuk memelihara koleksi manuskrip yang terdapat di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.



S.S Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menyampaikan cenderahati kepada Tuan Haji Shaharuddin bin Haji Ismail



Penerangan proses & kaedah pemeliharaan manuskrip



Sebahagian peserta Tafaqquh Falak Perdana

SABIL AL-MUHTADIN RUJUKAN ILMUAN FALAK

Kepala Batas: Kitab *Sabil al-Muhtadin* bukan sekadar kitab yang menghuraikan mengenai ilmu feqah tetapi ia juga mengandungi huraian ilmu falak yang mendalam. Ini merupakan sebahagian daripada rumusan Program Tafaqquh Falak Perdana Siri 1/2019 yang telah berlangsung di Auditorium Dewan Millennium, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Kitab *Sabil al-Muhtadin* juga merupakan naskah ilmu feqah mengikut mazhab Syafie dalam bahasa Melayu Aceh yang dikarang oleh Syekh Muhammad Arsyad al Banjari. Dalam kitab tersebut unsur-unsur ilmu falak dibincangkan dalam setiap bab pendahuluan sesuatu tajuk feqah.

Prof Madya Dr. Baharuddin bin Zainal berkata, pengarang kitab ini telah menggunakan kaedah sains rakyat dan kaedah ber matematik dalam menghuraikan beberapa perkara feqah yang berkaitan.

Program *Tafaqquh* Falak Perdana Siri 1/2019 yang berlangsung pada 28 Mac 2019 itu, bermatlamat untuk membudayakan falak kepada pelajar dan masyarakat dengan menjadikan guru-guru KAFA sebagai key communicator. Seramai 130 orang guru-guru KAFA di bawah seliaan Bahagian Pendidikan JHEAIPP turut hadir memeriahkan sepanjang program ini berlangsung.



S.S Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menyampaikan cenderahati kepada Prof. Madya Dr. Baharuddin bin Zainal



Taklimat penggunaan Global Navigation Satellite System (GNSS)



Ustaz Mohd Ferdaus bin Hashim menerangkan cara penggunaan Global Navigation Satellite System (GNSS)

« JMNPP PERINTIS PENGGUNAAN GNSS

Balik Pulau: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah menerima kunjungan daripada Unit Falak, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Rombongan terdiri daripada enam (6) anggota, diketuai oleh Ustaz Shahril Azwan bin Hussin (Ketua Unit Falak, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan).

Kunjungan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai pengukuran arah kiblat menggunakan alat *Global Navigation Satellite System* (GNSS) yang digunakan oleh JMNPP. Satu sesi taklimat dan latihan amal penggunaan GNSS telah diadakan dengan Unit Falak, JMNPP selaku penyelaras taklimat tersebut.

GNSS sejenis alat ukur yang berpandukan satelit dan Sistem Penentuan Lokasi Sejagat *Global Positioning System* (GPS) berbanding peralatan ukur yang biasa digunakan seperti Teodolit yang bergantung kepada cerapan matahari. Alat GNSS mempunyai kelebihan melaksanakan kerja ukur ketika hujan, mendung, dan waktu malam.

Melalui penggunaan GNSS ukuran arah kiblat lebih sistematik. JMNPP merupakan antara Jabatan Mufti di Malaysia terawal yang telah menggunakan GNSS dalam pengukuran arah kiblat.

Selain itu, delegasi rombongan turut mengadakan lawatan ke Pusat Falak Sheikh Tahir (PFST), Balik Pulau.

MAQASID SYARIAH DALAM PENTADBIRAN NEGARA MENGIKUT KERANGKA AL-QURAN »

Permatang Pauh: Perspektif *maqasid syariah* atau objektif syariah perlu dihayati dan diaplikasikan dalam pengurusan pentadbiran sesebuah negara.

S.S Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Noor, berkata perbincangan yang lebih luas perlu dalam menghuraikan kepentingan gagasan Fiqh al-Maqasid dan peranannya dalam menyelesaikan pelbagai kemelut kemanusiaan zaman kini.

Turut hadir sama, Pensyarah Universiti Malaya, Dr. Mohamad Zaidi bin Abdul Rahman, Pensyarah Universiti Sains Malaysia, Prof Madya Dr. Jasni bin Sulong dan Pengarah Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM, Puan Nor Safina binti Zainal.

Prof Madya Dr. Jasni berkata, dalam prinsip *maqasid syariah*, Imam Ghazali berpandangan masalah satu keadaan mewujudkan manfaat dan menolak kemudaratan.

"Masalah ini adalah untuk menjaga maksud syarak kepada manusia iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan serta harta mereka".

Sementara itu, Puan Nor Safina berkata, *maqasid syariah* yang menjadi teras rujukan Siasah Syari'yyah perlu dibudayakan pada setiap peringkat pentadbiran dan proses pembangunan; sama ada pada peringkat penggubal dasar atau pelaksana dasar.

"Lima prinsip *maqasid syariah* dan 17 matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs) mengandungi nilai tadbir urus (*valuebased governance*) ke arah mencapai matlamat kehidupan dan pemerintahan yang mampan dan lestari".

Seminar Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung pada 23 April 2019 itu, bermatlamat untuk membahaskan pelbagai kaedah dan perspektif *Maqasid as-Syariah* berdasarkan kerangka al-Quran dalam pentadbiran sesebuah negara.



Barisan tetamu kehormat bersama peserta Seminar Al-Quran 1440H



YB. Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman menyampaikan cenderahati kepada penceramah jemputan



Acara menyambut belon air secara berpasangan



Kakitangan JMNPP mendengar arahan aktiviti seterusnya daripada

« BEKERJA DALAM SATU PASUKAN-JMNPP

Tanjung Bungah: Semua peringkat pegawai serta kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang perlu sentiasa menanam semangat bekerja sebagai satu pasukan, walaupun mereka bertugas di bahagian yang berlainan dalam satu Jabatan.

Muftinya, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor berkata, kerja berpasukan merupakan salah satu bentuk pengurusan yang penting bagi merealisasikan matlamat sesebuah organisasi atau Jabatan dalam mewujudkan suasana harmoni dan tiada perselisihan faham di antara satu sama lain.

Beliau berkata, berikutan ramai pegawai dan kakitangan yang masih baharu disebabkan beberapa pertukaran di antara pegawai, semuaarganya harus berusaha menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang baharu dan tidak berpuak-puak.

"Tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan kerana berjaya menganjurkan program sebegini dan saya berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan". Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena penutupan program *team building* Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang di Kompleks Sukan Air di sini, pada 27 April 2019.

Seramai 26 kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berjaya menyertai program ini dengan jayanya di samping beberapa aktiviti *indoor* dan *outdoor* bagi mengukuhkan lagi semangat berpasukan dan mengeratkan silaturahim.

MAKAN DI KEDAI "PORK FREE"

Soalan:

1. Apakah hukum makan di kedai berstatus 'pork free' yang kini menjadi trend masyarakat Islam pada masa kini.
2. Adakah boleh kita makan di premis makanan di mana tukang masakunya 'nampak' bertudung kerana yakin ianya halal kerana pekerja bertudung tersebut?

JAWAPAN

a) Sebagaimana dimaklumi sekarang ini timbul pula satu trend tindakan berani sesetengah pengusaha makanan terutama dalam kalangan bukan Islam yang memaparkan logo 'pork free' (bebas babi) di premis perniagaan mereka. Tindakan pengusaha tersebut adalah semata-mata mahu menarik pelanggan khususnya umat Islam supaya menikmati makanan dan minuman yang dijual. Papan tanda atau sticker yang tertera logo 'pork free' itu hanya sebagai tarikan iaitu untuk menunjukkan seolah-olah kedai mereka menjual makanan dan minuman halal.

Trend sebegini menyebabkan kemungkinan terdapat umat Islam yang terpengaruh dengan papan tanda tersebut lalu sanggup makan di tempat seperti ini, antaranya restoran-restoran yang menyajikan makanan laut walaupun status halalnya amat diragui.

Untuk pengetahuan semua, halal dan 'no pork' atau 'pork free' dua perkara yang sangat berbeza. Umat Islam di negara ini perlu sedar dan memahami soal halal dalam erti kata sebenar agar tidak keliru dengan papan tanda 'no pork' (tiada babi) atau 'pork free' (bebas babi) ketika memilih tempat makan.

Isu ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia berkait rapat dengan soal hukum syarak serta undang-undang di negara ini. Cuba kita fikir secara rasional, adakah terma halal dan 'no pork' itu adalah sama dari segi maksudnya?

Jawapannya sudah tentu tidak. Halal adalah satu bentuk pematuhan mengikut ketetapan serta hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak. Manakala 'no pork' pula hanya satu bentuk makluman bahawa kedai berkenaan tidak menjual makanan berasaskan daging babi, itu sahaja.

Tidak semestinya kedai atau premis makanan yang memaparkan logo 'no pork' itu boleh kita anggap menjual makanan halal dan dengan senang hati ada pula orang Islam yang mengunjungi premis-premis seperti ini. Status halalnya perlu kita diragui. Kita perlu bertanya pada diri sendiri sebelum masuk ke kedai-kedai sebegini. Antaranya tentang cara penyediaan makanan, bahan-bahan yang digunakan, penyimpanan bahan-bahan basah dan mentah, tempat memasak, tahap kebersihan serta segala perkara berkaitan.

Ini berkait rapat dengan soal halal dan haram serta soal syubhah (ragu-ragu). Halal itu jelas, haram juga jelas tetapi syubhah adalah antara kedua-duanya. Dalam hal syubhah ini, Rasulullah SAW menuntut setiap umatnya meninggalkan perkara tersebut kerana kecenderungannya kepada hukum haram.

Islam bukan setakat halal sahaja terutama berkait soal makan tetapi turut membabitkan makanan itu baik atau tidak. Cuba kita hayati firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Antara hikmah-hikmah memakan makanan halal lagi baik ini ialah:

1. Menjamin Kesihatan Badan

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya. (Riwayat al-Tirmīzī).

Justeru, di samping kita memilih makanan yang berzat dan berkhasiat adalah lebih penting lagi pada masa yang sama, kita juga hendaklah perlu memastikan makanan tersebut dijamin bersih dan suci mengikut hukum syarak. Ini bertujuan memastikan makanan itu tidak memudaratkan manusia itu sendiri.

Rahsia di sebalik pengharaman atau larangan Allah dalam al-Quran terhadap makanan-makanan yang jelas haram dimakan juga telah berjaya dibongkar melalui kajian sains oleh para saintis masa kini. Misalnya, Allah telah mengharamkan daging babi kerana kajian sains membuktikan bahawa terdapat Cacing Pita dan Virus JE (*Japanese Encephalitis*) di dalam daging babi. Kedua-duanya dikatakan sukar untuk dibunuh.

Dalam kajian yang lain pula saintis telah membuktikan bahawa daging babi mengandungi kuman dan virus yang amat berbahaya kepada manusia. Kajian ini juga mendapati pada kerongkong haiwan tersebut terdapat sel-sel tertentu yang mampu mengubah pelbagai kuman dan virus ini kepada bentuk yang lebih berbahaya kepada manusia.



2. Memelihara Kewarasan Akal.

Makanan yang haram sama ada daripada bahan yang dicampuri najis atau benda bersumberkan punca yang tidak halal akan mendatangkan (3) tiga bahaya besar kepada pemakanannya.

- i. Makanan itu akan mempengaruhi jiwa pemakanannya sehingga dia lebih gemar membuat kejahatan dan maksiat serta benci kepada kerja-kerja kebajikan dan ketaatan.
- ii. Doanya tidak akan dimakbulkan oleh Allah SWT.
- iii. Dia akan mendapat keseksaan di neraka Allah pada hari kiamat nanti.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah :173

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

3. Menjamin Maruah Diri.

Pasti akan lahir dalam diri manusia keimanan dan Nur yang dapat memandu jiwa manusia ke arah ketakwaan dan peningkatan ibadahnya kepada Allah. Pemilihan makanan yang bersih dan halal menjadi keutamaan dalam ajaran Islam.

Di antara sebab umat Islam perlu memilih makanan halal ialah kerana ia akan menjamin maruah agama supaya diakui yang terbaik dari agama lain. Umat Islam juga akan dihormati kerana mengikuti peraturan syarak setiap masa dan umat Islam tidak mudah dirosakkan atau dipengaruhi.

4. Supaya Ibadah Mudah Diterima Allah.

Pemilihan makanan yang halal akan menjamin kesejahteraan hidup seseorang di dunia dan di akhirat. Doa yang dipohon daripada Allah SWT juga akan dimakbulkan.

Oleh itu Islam mensyariatkan hukum halal dan haramnya dalam setiap aspek kehidupan umatnya. Setiap orang Islam wajib memelihara dan peka terhadap perkara yang halal dalam memilih pemakanannya supaya tidak termasuk bahan yang haram yang akhirnya menjadi darah daging.

Bagi daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka api neraka bahan pembakarnya. Ini jelas daripada sabda Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya.
(Riwayat al-Tirmizī).

Dengan memakan makanan dan minuman yang halal dan *tayyibah* (baik) dapat membentuk serta memberi kesan yang besar terhadap keperibadian dan perwatakan seseorang. Jika di dalam tubuh badan manusia itu mengalir benda-benda yang baik dan suci maka tidak mustahil akan lahirlah akhlak dan peribadi yang mulia dari manusia tersebut.

5. Dapat Membina dan Membentuk Peribadi Mulia.

b) Persoalan berkaitan memakan di premis makanan yang tukang masaknya 'nampak' bertudung kerana berkeyakinan ianya halal disebabkan pekerja premis tersebut bertudung.

Dalam isu ini kami berpendapat bahawa 'first impression' atau tanggapan pertama tidak harus dijadikan panduan. Kita hendaklah terlebih dahulu menyelidiki pemilik premis tersebut. Malah yang terlebih utama siapa tukang masaknya kerana perkara ini juga terkait sebagaimana hukum halal haram yang telah dihuraikan di atas.

Kesimpulannya, kita hendaklah berhati-hati memilih makanan yang hendak dimakan kerana Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya. (Riwayat al-Tirmizī).

Perkara inilah yang patut kita takuti dan lebih berhati-hati sewaktu di dunia ini. Kami juga nasihatkan supaya sentiasa memastikan kedai/premis makanan yang hendak dikunjungi mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Negeri/ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia supaya ia tidak meimbulkan sebarang keraguan/was-was.

Wallahua'lam.



PERKHIDMATAN DALAM TALIAN (ONLINE)

Portal JMNPP
<http://mufti.penang.gov.my>

Sistem e-Fatwa
<http://efatwa.penang.gov.my>

Sistem e-Kemuskilan
<http://ekemuskilan.penang.gov.my>



MEDIA SOSIAL



Facebook
@muftipulaupinang



Youtube
Jabatan Mufti Pulau Pinang



HUBUNGI KAMI

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown, Pulau Pinang

☎ 04-263 2975 ☎ 04-263 2985

✉ mufti@penang.gov.my

Oleh: Norfazilah binti Mohd Lidi
(norfazilah@penang.gov.my)

» JASAMU DIKENANG & SELAMAT DATANG

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tiga (3) orang pegawai ini di atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan kepada Jabatan ini. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang juga mengalu-alukan kedatangan empat (4) orang pegawai di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya. اهلا وسهلا dan tahniah diucapkan.

1. Encik Nor Amri bin Mohamad Nor kini bertugas di Jabatan Kerja Raya, Daerah Seberang Perai Tengah dan tempat beliau kini diisi oleh Encik Munir Hafifie bin Sabdin (Pemandu Kenderaan-H11) mulai 11 Mac 2019.
2. Encik Wan Mohamad Hafiz bin Wan Mohamed Hashim kini bertugas di Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan tempat beliau kini diisi oleh Cik Norul Syafiqah binti Elies (Pembantu Operasi-N11) mulai 11 Mac 2019.
3. Encik Mohammad Aliff bin Hashim kini bertugas di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan tempat beliau kini diisi oleh Encik Muhammad Ferdaus bin Lutfee (Pembantu Hal Ehwal Islam-S19) mulai 6 Mei 2019.



Nor Amri bin Mohamad Nor



Wan Mohamad Hafiz bin Wan Mohamed Hashim



Mohammad Aliff bin Hashim



Munir Hafifie bin Sabdin



Norul Syafiqah binti Elies



Muhammad Ferdaus bin Lutfee

» TAHNIAH

Sekalung tahniah diucapkan kepada dua (2) orang pegawai ini yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Hotel Olive Tree pada 10 April 2019 disampaikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow; Ketua Menteri Pulau Pinang



• Nama :
Cik Siti Aishah binti Sahud
• Jawatan :
Penolong Pembantu
Tadbir Kanan



• Nama :
Encik Mohd Jais Anuar bin Ahmad
• Jawatan :
Pegawai Hal Ehwal Islam

Tahniah di atas kelahiran cahaya mata baharu kepada Ustazah Siti Nadiyah binti Mohamad Shukri

"Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya".

Muhammad Aatheef Nufayl bin Kamarul Azizi
9 Februari 2019
(4 Jamadilakhir 1440H)



Oleh: Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim
(zakihalim@penang.gov.my)

JAWATANKUASA KELAB

• PENASIHAT

Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

• YANG DI PERTUA:

Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim

• NAIB YANG DI PERTUA:

Fakhrurrazi bin Md. Mahdzir

• SETIAUSAHA:

Nor Azira binti Mohamed @ Abdul Aziz

• PENOLONG SETIAUSAHA:

Azwati binti Zainol Abidin

• BENDAHARI:

Farah Nur Aqilah binti Abdul Rahim

• KETUA BIRO SUKAN:

Mohd Ferdaus bin Hashim

• PENOLONG BENDAHARI:

Jamil binti Nordin

• KETUA BIRO EKONOMI:

Muhammad bin Saleh

• KETUA BIRO KEBAJIKAN:

Mohd Rizuan bin Idrus

• PEMERIKSA KIRA-KIRA I:

Fairus Ain binti Abdul Aziz

• KETUA BIRO DAKWAH:

Saufi bin Redzuan

• PEMERIKSA KIRA-KIRA II:

Salmi Aida binti Samsinar

AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JMNPP

1. Bacaan Al-Quran Setiap Hari (Dakwah)
2. Majlis Tadarus Al-Quran (Dakwah)-Sepanjang Ramadan 1440H
3. Majlis Iftar Ramadan-31 Mei 2019

PENERBITAN JMNPP



KERATAN AKHBAR

